



14 Januari 2026
14 January 2026
P.U. (A) 13

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(PENGECUALIAN LEVI) 2026

*PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(EXEMPTION OF LEVY) ORDER 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD 2001

PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PENGECUALIAN LEVI) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [*Akta 612*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Pengecualian Levi) 2026**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 15 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026.

Pengecualian levi

2. Menteri mengecualikan mana-mana majikan yang baginya Akta ini terpakai dan yang telah mendaftar dengan Perbadanan bagi industri pendidikan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual daripada membayar apa-apa levi yang dinyatakan di bawah seksyen 14 dan 15 Akta berkenaan dengan setiap pekerjaanya.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD ACT 2001

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (EXEMPTION OF LEVY) ORDER 2026

IN exercise of the powers conferred by section 19 of the Pembangunan Sumber Manusia Berhad Act 2001 [*Act 612*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Exemption of Levy) Order 2026**.

(2) This Order has effect for the period from 15 January 2026 until 31 December 2026.

Exemption of levy

2. The Minister exempts any employer to whom the Act applies and who has registered with the Corporation for the education industry as specified in the Schedule from paying any levy specified under sections 14 and 15 of the Act in respect of each of its employees.

JADUAL/SCHEDULE

(1) Bil./ No.	(2) Kod Piawai Klasifikasi Industri Malaysia/ Malaysian Standard Industrial Classification Code	(3) Perihal industri pendidikan/ Description of education industry
1.	85102	Pendidikan prasekolah swasta/Private pre-school
2.	85104	Pendidikan rendah swasta/Private primary education
3.	85212	Pendidikan menengah am swasta/Private secondary education
4.	85222	Pendidikan menengah teknikal dan vokasional di bawah tahap pendidikan tinggi swasta/Private technical and vocational education below the level of higher education
5.	85302	Pendidikan kolej dan universiti swasta/Private college and university education
6.	8541/8542/8549	Pendidikan lain/Other education
7.	85500	Perkhidmatan sokongan pendidikan/Educational support services

Dibuat 13 Januari 2026

Made 13 January 2026

[KSM.PUU(S)600-1/2/19/1 JLD.2(22); PN(PU2)616/V]

DATO' SRI RAMANAN RAMAKRISHNAN
Menteri Sumber Manusia/
Minister of Human Resources